

# BULETIN

FAKULTI  
PERAKAUNAN

EDISI 8



## Percutian ke Gunung Bromo, Jawa Timur, Indonesia

Wan Mardyatul Miza Wan Tahir

Gunung Bromo yang terletak di Jawa Timur merupakan sebuah gunung berapi yang masih aktif dan menjadi tumpuan pelancong dari serata dunia. Saya kerap melihat di media sosial gambar-gambar yang telah di ambil oleh ‘content creator’ berkongsi pengalaman percutian ke sana. Jadi, ketika cuti awal Muharam baru-baru ini, saya telah ke Bromo menyaksikan sendiri antara salah satu gunung berapi yang masih aktif di Indonesia. Untuk ke sana dari Malaysia, biasanya kita mempunyai beberapa pilihan, namun saya memilih perjalanan yang paling cepat memandangkan cuti tidak lama. Jadi saya memilih ‘route’ menaiki kapal terbang ke Surabaya dari Kuala Lumpur yang memakan masa 2 jam 40 minit. Manakala, perjalanan dari Surabaya pula saya menyewa kereta bersama ‘supir’ ke Bromo yang mengambil masa perjalanan antara dua ke tiga jam pemanduan. Sampai di sana saya terus dapat menikmati pemandangan Bromo memandangkan hotel Artotel Cabin Bromo yang ditempah di sana betul-betul berada di kawasan pelancong mengambil gambar di puncak bukit. Cuaca yang baik, suhu yang dingin dan nyaman meninggalkan memori yang indah ketika sampai disana.



Sedikit fakta dengan merujuk kepada maklumat daripada Wikipedia, Bromo berketinggian 2,329 meter di atas permukaan laut dan berada dalam empat wilayah, iaitu wilayah Malang, Lumajang, Pasuruan, dan Probolinggo. Bentuk Gunung Bromo bersambungan antara lembah dan ‘canyon’ atau gaung dengan berbentuk kuali berserta lautan pasir seluas sekitar 10-kilometer persegi. Gunung Bromo mempunyai sebuah kawah dengan garis tengah  $\pm$  800 meter (utara-selatan) dan  $\pm$  600 meter (timur-barat). Manakala kawasan lingkaran berjejari 4 km dari pusat kawah Bromo. Gunung Bromo terletak

dalam kawasan Taman Nasional Bromo Tengger Semeru dan untuk memasuki Taman Nasional tersebut bayaran yang dikenakan adalah sebanyak Indonesian Rupiah (IDR)10,000. Untuk lawatan masuk ke Taman Nasional tersebut memerlukan sewaan ‘jeep’ bersama ‘supir’ seperti lawatan ke Pasir Berbisik dan untuk melihat kawah gunung berapi dengan lebih dekat, dengan dikenakan bayaran lebih kurang sebanyak IDR660,000 untuk sebuah ‘jeep’. Agak menarik kelihatan ‘jeep’ yang berwarna-warni melalui kawasan berpasir tersebut. Tidak hairanlah ‘spot’ mengambil gambar di sana adalah di atas ‘jeep’ tersebut yang menjadikan salah satu tarikan pelancongan di sana.



Percutian ke Bromo ini walaupun agak singkat, tetapi memberi kesegaran kerana dapat melihat pemandangan yang indah dengan cuaca yang sejuk dan nyaman. Selain itu makanan halal mudah didapati dan pilihan makanan orang Jawa adalah tidak jauh berbeza dengan selera orang Melayu. Terdapat juga banyak ‘café’ yang menarik untuk ‘content creator’ sajikan kepada pengikut media sosial mereka dan untuk pencinta kopi menikmati kopi dengan alunan nyanyian ‘live band’. Percutian ke Indonesia adalah yang terbaik untuk menikmati percutian singkat memandangkan perjalanan dalam dua atau tiga jam sahaja dengan menaiki kapal terbang, matawang IDR yang berbaloi dengan pertukaran MYR menjadikan ianya lebih mudah untuk mendapatkan makanan halal, penginapan hotel yang mewah dengan harga yang sangat berpatutan dan tiada kekangan bahasa kerana Bahasa Indonesia mudah difahami.



### Rujukan

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Gunung\\_Bromo](https://ms.wikipedia.org/wiki/Gunung_Bromo)